KONVENSYEN FIQH DAN TEKNOLOGI 2.0

2017

HUFFAZ-M

DR RASHIDI BIN ABBAS

PUSAT BAHASA MODEN DAN SAINS KEMANSIAAN

15 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

HOTEL VISTANA KUALA LUMPUR

PENGAJARAN TAHFIZ AL-QURAN BERBANTUKAN TEKNOLOGI (HUFFAZ-M)

Disediakan oleh:
Dr Rashidi bin Abbas
Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan
Universiti Malaysia Pahang
rashidi@ump.edu.my

1.0 PENDAHULUAN

Perkembangan dunia teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) telah memberikan banyak impak serta kesan positif kepada pelbagai bidang perindustrian termasuklah bidang pendidikan. Pembelajaran menjadi lebih fleksibel dan mudah untuk diakses dengan adanya teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran (Rahil Mahyuddinn et al., 2009). Kerajaan berkeyakinan bahawa dengan inisiatif Kementerian Pendidikan Malaysia yang menjadikan penggunaan pelbagai bahan bantu mengajar seperti komputer riba, cakera padat, penggunaan pelbagai perisian serta pelbagai alat bantu mengajar sebagai satu wadah penting untuk pengukuhan pembelajaran pelajar ketika ini (Tajulripin Sulaiman, Wan Zah Wan Ali, 2008). Oleh yang demikian, adalah perlu untuk setiap pendidik, guru, pensyarah menggunakan ruang kemudahan alat bantu mengajar samaada yang berbentuk peralatan mahupun perisian bagi membantu merangsang dan meningkatkan minat pelajar terhadap subjek yang diajar. Implementasi penggunaan ICT ini, sebenarnya telah melalui proses latihan yang intensif serta pendedahan yang mendalam dari aspek fungsi dan keberkesanannya kepada para pendidik. Hakikatnya penggunaan ICT dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran dapat membantu meningkatkan pencapaian akademik seseorang pelajar (Neal Watkin, Johannes Ahrenfelt, 2017). Fenomena ini telah menerobos ke peringkat pendidikan tahfiz di Malaysia. Ini dapat dibuktikan menerusi pembinaan makmal-makmal komputer untuk sesi hafazan baharu (dars jadid) atau sesi pengulangan (muraja'ah). Justeru itu, pelajar-pelajar memerlukan waktu yang mencukupi untuk sesi pengukuhan pembelajaran hafazan di dalam makmal sebagai mengisi ruang-ruang tanpa guru pembimbing (Rashidi Abbas, 2017). Walaupun demikian, penyediaan makmal-makmal oleh pihak Maahad Tahfiz memerlukan perbelanjaan yang tinggi untuk direalisasikan. Secara jujurnya pihak kerajaan menyanjung tinggi cadangan

beberapa pelan pembinaan pembangunan makmal-makmal di setiap Maahad yang menawarkan program tahfiz secara bersepadu ini. Maahad Tahfiz persendirian yang mana tidak mendapat bantuan penuh dari pihak kerajaan akan mengalami kesulitan dalam penyediaan kemudahan pembelajaran kepada pelajar (Zulkifli Mohaammad Al-Bakri, 2013). Walaupun demikian, pihak maahad telah sedaya upaya menyediakan ruang pembelajaran yang terbaik kepada pelajar-pelajarnya, agar mereka tidak ketinggalan dalam sesi pembelajaran. Sebagai satu satu pilihan untuk sesi pengukuhan hafazan bagi maahad yang tidak berkemampuan dalam penyediaan makmal komputer, berkemungkinan pelajar boleh memuat turun aplikasi pembelajaaran ke telefon pintar masing-masing atau android. Pembelajaran ini sangat menaraik jika dapat diatur pengurusannya dengan sempurna.

1.2 PENGENALAN KEPADA TEKNOLOGI MULTIMEDIA

Dalam zaman teknologi yang semakin maju pada masa kini, pelbagai pembangunan dan penambahan aplikasi multimedia di dalam sistem pengajaran telah berlaku dan mencapai tahap yang tinggi. Pada hakikatnya teks, grafik, audio dan video sudah lama digunakan untuk menyampaikan sesuatu maklumat tetapi elemen tersebut digunakan secara berasingan dan disampaikan sebagai unsur tersendiri. Masalah ini wujud disebabkan tiada teknologi untuk menyatupadukan setiap media atau pelbagai media. Kewujudan multimedia dapat membantu dalam menyelesaikan masalah tersebut dengan efektif. Multimedia adalah berdasarkan kepada dua perkataan utama iaitu Multi dan Media/medium. Multi bermaksud banyak, pelbagai di mana ia menandakan terdapat lebih daripada satu media wujud di dalam sesuatu aplikasi (Norhasni Zainal Abidin, 2014). Media pula merujuk kepada alat atau pengantara untuk menyampaikan sesuatu maklumat seperti teks, grafik, audio, video dan animasi. Aplikasi Multimedia pula adalah aplikasi yang dibangunkan dengan menggabungkan koleksi pelbagai media seperti teks, grafik, audio, video dan animasi serta mempunyai ciri-ciri interaktiviti. Teknologi komunikasi mudah alih telah menyediakan pelbagai alternatif dan kemudahan berhubung, sebagai contoh telefon bimbit tidak lagi terhad bagi tujuan menerima dan membuat panggilan semata-mata. Telefon bimbit juga sudah dilengkapi dengan kemudahan menghantar dan menerima e-mail, khidmat pesanan ringkas (SMS) dan khidmat pesanan multimedia (MMS) yang hadir dalam bentuk gabungan muzik, gambar, jujukan-jujukan animasi dan rakaman video pendek (Donald, 2003). Selain itu, dengan menggunakan telefon bimbit pengguna juga boleh melayari laman web dan melayari pelbagai aplikasi komputer (Wim

Kouwenhoven, 2014). Kemudahan komunikasi tanpa wayar juga telah disediakan bagi memudahkan pengguna menggunakan pelbagai aplikasi yang memerlukan capaian internet. Selain itu, telefon bimbit pintar berteraskan pelantar android telah menjadi alat komunikasi yang amat diperlukan bagi kebanyakkan orang, terutama sekali pelajar (Ahmad Asri Lubis Abu Samah, 2010). Persoalannya disini adakah pelajar menggunakan telefon bimbit dan aplikasi-aplikasi yang sedia ada ini di dalam pembelajaran atau sekadar untuk perhubungan sosial seharian mereka? Apakah aplikasi yang dimuat turun ini memberikan impak yang besar kepada pelajar untuk sesi pembelajaran? Sejauhmana pihak Maahad Tahfiz mengaplikasikan sesi hafazan menggunakan telefon pintar?

1.3 PENGGUNAAN MULTIMEDIA DALAM BIDANG PENDIDIKAN DAN PENGAJARAN DI MAAHAD TAHFIZ

M-Learning merupakan suatu konsep baru dalam proses pengajaran dan pembelajaran serta menekankan kepada keupayaan untuk memudahalih proses pembelajaran tanpa terikat kepada lokasi fizikal (Carol L. Stimmel, 2016). Dalam kata mudah, proses pembelajaran boleh dilakukan dimana-mana sahaja dan bukannya di kelas semata-mata. Sesi pengukuhan pembelajaran ini boleh dilakukan tanpa guru pembimbing (Rashidi, 2017). Signifikan penggunaan M-learning ini dapat difokuskan kepada:

- membantu proses pembelajaran dengan menyediakan latihan berasaskan komputer (CBT) dan e-learning courseware yang menawarkan cara pembelajaran yang baru di mana pembelajaran boleh dilakukan di mana-mana.
- tenaga pengajar dan juga para pelajar sebagai kemudahan di dalam teknik pengajaran dan pembelajaran.
- kombinasi elemen-elemen multimedia yang boleh membantu mempertingkatkan keberkesanan dalam proses pembelajaran.
- sistem multimedia, pihak pengajar boleh mengesan prestasi pelajar dengan memperolehi laporan setiap kali pelajar menggunakan bahan tersebut. Contohnya menggunakan portal pendidikan (István Mezgár, (ed), 2006)

1.4 BAGAIMANAKAH PENGGUNAAN TEKNOLOGI MULTIMEDIA MEMBANTU DALAM MEMPELAJARI HAFAZAN AL-QURAN.

Penggunaan teknologi multimedia dalam pengajaran dan pembelajaran pada masa kini telah diperluaskan dari sekolah rendah hingga ke peringkat pengajian tinggi. Saranan penggunaan ini adalah untuk meningkatkan kemahiran pelajar dalam memepelajari sesuatu pelajaran dan pencarian maklumat. Di sini dapat diperjelaskan beberapa platform yang boleh di gunapakai dalam pengajaran dan pembelajaran. Di antaranya adalah:

1. Penggunaan CD-ROM

Antara kaedah pengajaran yang boleh digunakan adalah melalui CD-ROM. Ia merupakan alat bantu mengajar yang berkesan kerana dapat memudahkan pengajaran berkaitan bidang al-Quran seperti hafazan, taranum dan qiraat. Walaupun demikian, kaedah talaqqi dan musyafahah adalah yang terbaik dalam pengajaran al-Quran dan hafazan (H. Abdul Madjid Sofie, 2001) Dalam kaedah ini, guru akan berhadapan secara langsung dengan pelajar untuk mendengar dan membetulkan bacaan pelajar (Amjad Qasim et al., 2013). Namun disebabkan kekangan peruntukan masa yang terhad bersama guru, penggunaan CD-ROM sedikit sebanyak dapat membantu guru dan pelajar kerana mudah dibawa, mudah dipelajari, mudah dimiliki dan mellalui pembelajaran kendiri.

2. Telefon pintar

Pelbagai perisian dan aplikasi mudah alih di dalam telefon pintar telah dibangunkan untuk menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran dalam bidang hafazan Al-Quran menjadi mudah dan cepat berbanding secara tradisional (Muhamad Ali, 2008) Beberapa aspek pengetahuan tentang Al-Quran (Sayyid Muhammad Alwi Al-Maliki, 2010) dikaji dan dibangunkan bagi menghasilkan rekaan aplikasi dan sistem yang mampu memberi kesan yang baik kepada pengguna. Kaedah dan teknik hafalan Al-Quran menjadi mudah dengan kemudahan capaian internet serta adanya pembangunan perkakasan dan perisian dalam bentuk pendigitan.

3. Komputer

Ramai pendidik percaya bahawa komputer dapat membantu pelajar belajar membaca dengan betul melalui kaedah interaktif. Kandungan subjek boleh dilaksanakan secara berkesan melalui aplikasi agen pedagogi animasi (APA) kerana ia berjaya meningkatkan penglibatan dalam proses pembelajaran. Kajian oleh Hj, Omar, & Sharif (2013), membuktikan antara sebab utama pelajar mempunyai tahap kecekapan yang rendah dalam membaca surah adalah kerana pelajar tidak

mempunyai minat dalam pembelajaran surah. Di samping itu, kajian rintis yang sama, tiga agama guru telah ditemubual dan mereka berpandangan pembelajaran dan motivasi pelajar dapat dipertingkatkan melalui pembangunan reka bentuk pengajaran yang interaktif dan di lengkapi teknologi moden. Melalui pembangunan Quran Voice Memorizer selepas menghafal semua surah, pengguna boleh ke mod semak yang membolehkan aplikasi mendengar dan memperbetulkan hafalan seseorang.

4. MP3

Aplikasi Quran Audio Recitation (QAR) menurut Mohd Zain Mohmood (2015), membantu dalam mengesan kesalahan bacaan atau hafalan al-Quran tetapi ia tidak boleh menilai ketepatan dan prestasi pengguna. Akhirnya pelajar perlu bertalaqqi musyafahah bersama guru pembimbing untuk mendapatkan ketepatan bacaan.

5. Laman Web

Menurut Mohammad Asraff Ayob Al-Hafiz (2011), E-Halagat direka berasaskan web dengan pendekatan menyerupai situasi halaqah yang dibangunkan secara elektronik terdiri daripada tutor, penyelia dan pelajar berdaftar. Sistem ini mempunyai dua kaedah pengesahan menggantikan kaedah tasmik iaitu pengesahan sendiri dan pengesahan automatik. Pengesahan sendiri dilaksanakan dengan merekod dan mendengar semula suara sendiri bagi mengetahui kesilapan dalam hafalan. Pengesahan automatik pula menggunakan teknik pengecaman pertuturan automatik untuk mengikuti pembaca dan untuk membetulkan bacaan atau hafalan ayat al-Quran dengan adanya alat pengiraan yang diperlukan untuk membetulkan kesalahan hafalan secara elektronik.

6. Al-Quran *Pen Reader*

Al-Quran *Digital Read Pen* ialah pen yang boleh membaca al-quran tetapi ia tidak boleh menulis. Fungsi al-Quran ini adalah sama dengan al-Quran yang lain, keistimewaannya ialah teknologi *read pen* yang membaca ayat per ayat dan surah per surah. Sentuh saja mata pen pada mana mana ayat atau surah, *read pen* ini akan mengeluarkan bacaan mengikut Qari pilihan kita. Al-quran *Digital Read Pen* merupakan Gajet Digital Islamik yang membantu semua golongan yang ingin belajar Al-quran dari peringkat asas dengan mudah dan cepat. Dalam konteks mendidik anak-anak, mungkin set pen digital al-Quran merupakan satu pilihan kerana ia bertindak sebagai scanner atau pengimbas kepada huruf-huruf yang dicetak pada naskhah al-Quran. Al-Quran itu pula diperbuat daripada kertas yang mempunyai kod. Bagaimanapun, pada mata kasar kod-kod berkenaan tidak kelihatan. Ia hanya boleh dilihat sekiranya mengguna kanta pembesar. Pengguna boleh nampak dengan jelas grid yang

ada di belakang tulisan pada al-Quran tersebut. Pada grid berkenaan, dimasukkan kod tertentu dan apabila pen diletakkan, alat pengimbas yang padanya akan mencetuskan bunyi tertentu berdasarkan kod tertentu. Pen ini mampu menyimpan hampir 480,000 kod tetapi ia tidak berfungsi pada al-Quran biasa kerana tidak memiliki kod.

1.5 PENGAPLIKASIAN TEKNOLOGI HUFFAZ-M DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN TAHFIZ AL-QURAN DI MAAHAD

Langkah 1

- Pastikan telefon pintar pelajar telah dimuat turun dengan aplikasi Huffaz-M

Langkah 2

- Pelajar boleh memilih untuk mendengar azan terlebih dahulu sebelum meneruskan hafazan al-Quran.

Langkah 3

- Pelajar perlu memasukkan terlebih dahulu data-data peribadi untuk penilaian bacaan hafazan oleh guru pembimbing. Pelajar boleh menekan butang “ulang” untuk pengulangan ayat yang ingin dihafal. Butang ini boleh ditekan berkali-kali sehingga hafazan menjadi lancar.

Langkah 4

- Setelah lancar menghafal, pelajar perlu bertalaqqi secara beramai-beramai dihadapan guru pembimbing. Setelah itu, pelajar membaca secara berseorangan dengan guru pembimbing.

Langkah 5

- Guru pembimbing membetulkan bacaan pelajar dengan betul dan tepat. Pelajar juga disediakan dengan beberapa soalan latihan untuk pengukuhan hafazan.



Langkah 6

- Pelajar perlu memperdengarkan (tasmi') bacaan hafazan secara individu di hadapan guru al-quran.

Langkah 7

- Pelajar perlu merakam suara dan mendengar semula rakaman suara ketika sesi tasmi' bersama guru pembimbing. Guru pembimbing perlu memperbaiki semua kesalahan yang terdapat dalam bacaan

1.6 KESIMPULAN

Reka bentuk pembangunan sistem dan aplikasi yang interaktif dan bersistematik juga sangat penting dalam memastikan keberkesanannya kepada pelajaar. Ini kerana kepelbagaian gaya dan strategi pembelajaran yang dibangunkan akan melahirkan huffaz yang berkualiti dari segi ilmu dan profesional. Perubahan pendekatan pendidikan pada alaf baharu ini memberi petanda positif dalam arena pendidikan secara global. Perubahan minda pelajar terhadap kaedah pengajaran dan pembelajaran telah menjadikan pendidikan di Malaysia begitu dinamik dan progresif. Kebergantungan para remaja di Malaysia kepada telefon pintar tidak dapat dinafikan lagi penggunnaannya. Penggunaan ini sangat meluas di peringkat pengajian tinggi disebabkan mereka diwajibkan untuk mencari maklumat menerusi aplikasi teknologi

untuk kegunaan pengajaran dan pembelajaran pelajar. Walaupun, di peringkat sekolah rendah dan menengah penggunaan telefon pintar belum lagi dibenarkan oleh pihak kementerian. Tetapi sebenarnya untuk mengakses maklumat, pihak sekolah telah menyediakan makmal-makmal dengan perisian terkini bagi membantu pelajar untuk meningkatkan kemahiran dan skil mencari maklumat.Penggunaan telefon pintar dengan perisian Huffaz-M sebenarnya boleh membantu pelajar menambah dan mengekallkan hafazan mmasing-masing. Telefon pintar boleh dibawa kemana-mana dan boleh diakses pada bila-bila masa apabila diperlukan tanpa pergi ke kelas secara formal. Aplikasi teknologi juga menjadikan arena pendidikan semakin menarik untuk diterokai dan dipelajari oleh pelajar terutamanya. Umumnya kita tidak dapat menafikan ledakan teknologi ini berlaku di Malaysia dan kita mengharapkan kemajuan pendidikan ini standing dengan negara maju yang lain.

1.7 Rujukan

Abdul Manaf Bohari (ed) (2005). *Isu-isu profesional ICT dii Malaysia : teknologi dan perniagaan*. Kuala Lumpur : IBS Buku.

Abdul Manaf Bohari (ed) (2006). *ICT dari perspektif profesional : isu-isu pengurusan dan organisasi*. Petaling Jaya : Pearson/Prentice Hall.

Abdurrahman Lubis (2011). *Tips menghafal al-Quran bagi professional*. Batu Caves, Selangor. : Pustaka Al-Ehsan

Amjad Qasim, Siti Nur Akma Ahmad (2013). *Menghafal Al-Quran dalam Sebulan*. Synergi Media: Kuala Lumpur.

_____(2012).*Pelan Strategik KPM 2011-2015* .Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, KPM.

_____(2008). *Blueprint for the implementation of strategic ICT roadmap for Malaysia handbook.* Putrajaya : Ministry of Science Technology and Innovation, 2008

Ahmad Asri Lubis Abu Samah (2010). *Etika Belajar & Mengajar Al-Quran*. Yamani Angle : Kuala Lumpur.

Carol L. Stimmel (2016). *Building smart cities : analytics, ICT, and design thinking*. Boca Raton : CRC Press, Taylor & Francis Group.

H. Abdul Madjid Sofie (2001). *Belajar mudah membaca Al-Quran : metode bbq 99.* Bandung , Indonesia : Penerbit El-Fath.

Hasnan Kasan, Prof. Madya Dr. Khairul Anwar Mastor (2008). Personaliti pelajar muslim. Kuantan, Pahang : Maahad Tahfiz Negeri Pahang

Ibrahim Al-Deeb (terj) Azlan Abdul Rahman (2008). *Bersama memartabatkan tuntutan Al-Quran.* Kuantan, Pahang : Maahad Tahfiz Negeri Pahang

Ir. Amjad Qasim (2013). *Menghafal al-quran dalam sebulan*. Kuala Lumpur : Synergy MediaMohd Fauzan Noordin (2010). *ICT and Islam*. Kuala Lumpur : IIUM Press, International Islamic University Malaysia.

István Mezgár, (ed) (2006). *Integration of ICT in smart organizations*. Hershey, PA: Idea Group Pub.

Lawrence A. Tomei (ed) (2011). *Online courses and ICT in education : emerging practices and applications.* Hershey, PA : Information Science Reference.

Mohammad Asraff Ayob Al-Hafiz (2011). *Kaedah Jibril*. PTS Darul Furqan Sdn Bhd: Selangor.

Mohd Solleh Ab.Razak (2011). *Sehingga al-Quran Terpahat di Hati*. Telaga Biru Sdn Bhd: Kuala Lumpur.

Mohd Zain Mohmood (2015). *Keunikan dan Keindahan Bahasa Al-Quran*. Dewan Bahasa Dan Pustaka: Kuala Lumpur.

Muhamad Ali (2008). *Kerjaya dalam bidang ICT*. Kuala Lumpur : PTS Professional, 2008

Nor Azhar Ahmad (2011). *Panduan ringkas literasi ICT : pengenalan laman sosial*. Kuantan, Pahang : Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian Universiti Malaysia Pahang.

Nor Azaruddin Husni Nuruddin, Shaikh Mohd Saifuddeen Shaikh Mohd Salleh (ed) (2015).*Memperkasa peranan teknodaie : cabaran dalam pembangunan dan penggunaan ICT*. Kuala Lumpur : Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)

Nurul Wahidah Zainal Al Abidin (2013). *My mobile class assistant application on android platform* . Kuantan, Pahang : UMP

Neal Watkin, Johannes Ahrenfelt. Haniza Lockman (terj) (2017). *100 Panduan Asas Kemahiran Mengajar*. ITBM: Kuala Lumpur.

Norhasni Zainal Abidin (2014). *Reka Bentuk Metodologi Penilaian Latihan*. UPM: Serdang.

Raja Malik Mohamed(2003). *Practical approach to ICT strategic planning*. Kuala Lumpur : Institut Tadbiran Awam Negara .

Profesor Dr. Noor Sharifah bt Sutan Saidi (2004). *Perancangan pusat ICT bagi masyarakat luar bandar di Semenanjung Malaysia*. Skudai, Johor : Penerbit Universiti Teknologi Malaysia

Rashidi Abbas (2017). *Anjakan Minda Huffaz Belia Malaysia (penyelidikan)* Kuantan: Universiti Malaysia Pahang.

Rashidi Abbas (2016). *Anjakan Minda Huffaz Belia Malaysia*. Kuantan: Universiti Malaysia Pahang

Rahil Mahyuddin, Habibah Elias, Kamariah Abu Bakar (2009). *Amalan Pengajaran Berkesan*. Karisma Publications Sdn. Bhd: Selangor.

Sayyid Muhammad Alwi Al-Maliki (2010). *Keistimewaan-keistimewaan Al-Quran*. Alam Raya Enterprise: Kuala Lumpur.

Tim Misi (2017). *Misi budak tahfiz*. Batu Caves, Selangor : PTS Publishing House

Tajulripin Sulaiman, Wan Zah Wan Ali (ed) (2008). *Memperkasakan Pendidikan Negara isu & cabaran*.UPM: Sedang.

Win Kouwenhoven (ed) (2014). Advences in Technology, Education and Development. InTech: Croatia.

Zulkifli Mohamad Al-Bakri (2013). *Hebatnya Kuasa Hafazan*.PTS Islamika: Kuala Lumpur.